
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

STU339 - Undang-Undang untuk Pekerja Sosial

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi lampiran. Sila baca arahan berkaitan lampiran di ms (3).

Anda dikehendaki menjawab TIGA (3) soalan semuanya. Soalan di Bahagian A adalah **wajib**. Pilih DUA (2) soalan daripada Bahagian B. Anda dinasihatkan menjawab setiap soalan dalam 3-6 mukasurat kertas jawapan sahaja.

Bahagian A

Soalan di Bahagian ini **wajib** dijawab.

- 1) Berdasarkan pemahaman anda tentang kandungan kursus ini secara keseluruhannya bincangkan secara kritis peranan dan fungsi undang-undang dalam mengatur hidup bermasyarakat dalam sebuah negara. Gunakan Malaysia sebagai contoh utama.

(100 markah)

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan di Bahagian ini.

- 2) Bincangkan peranan dan cabaran undang-undang Malaysia dalam mencapai keadilan gender. (100 markah)
- 3) Apakah yang dimaksudkan dengan peraturan keadilan semulajadi? Bincangkan bagaimana peraturan ini dan undang-undang yang berkaitan dengannya menjamin kepentingan individu dan masyarakat di Malaysia. (100 markah)
- 4) Bagi setiap perkara di bawah, berikan definisi dari sudut undang-undang, berserta contoh dan terangkan fungsi dan peranannya dalam sistem undang-undang Malaysia.
 - (i) Perlembagaan Persekutuan
 - (ii) Perundangan perwakilan
 - (iii) Semakan kehakiman
 - (iv) Remedi(100 markah)
5. Pilih salah satu daripada bahagian undang-undang Malaysia di bawah dan bincangkan dengan kritis keberkesanannya dalam memberikan remedi dan menyelesaikan masalah dalam konteks individu yang terlibat, khasnya, dan ahli masyarakat, amnya:
 - a) Sistem keadilan jenayah
 - b) Undang-undang berkaitan juvana
 - c) Undang-undang berkaitan perkahwinan dan perceraian
 - d) Undang-undang berkaitan kanak-kanak

Nota: Andaikan Akta Kanak-kanak 1999 belum dikuatkuasakan. Andaikan juga Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 masih terpakai.

(100 markah)

Lampiran

Arahan berkaitan lampiran

Lampiran-lampiran yang disertakan dalam kertas peperiksaan ini berfungsi hanya sebagai alat bantuan anda menjawab soalan-soalan peperiksaan bagi kursus ini. Anda diingatkan bahan-bahan ini **tidak boleh membantu anda** jika anda tidak membuat persediaan khusus untuk peperiksaan ini.

Lampiran akan dikumpulkan semula apabila tamat waktu peperiksaan ini. Tolong **jangan** buat sebarang tulisan atau tanda di mana-mana mukasurat lampiran ini.

Lampiran ini mengandungi ekstrak daripada statut-statut berikut:

- 1) **Kanun Kesiksaan (Akta 574)**
- 2) **Kanun Prosedur Jenayah (NMB Bab 6)**
- 3) **Akta Mahkamah Juvana 1947**
- 4) **Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991**
- 5) **Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984**
- 6) **Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976**